

KERAJAAN PERLU KERJASAMA RAKYAT-MAHATHIR

MELAKA DEC 7 1982

Kerajaan memerlukan persefahaman dan kerjasama penuh rakyat berbilang kaum terhadap setiap usahanya mewujudkan sebuah negara yang aman, makmur dan bahagia, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini.

Perdana Menteri menarik perhatian: Semangat perpaduan dan cintakan negara dan semangat sanggup menegenepikan perkara-perkara titik bengek perlu ada pada setiap rakyat jika matlamat yang dicitacitakan hendak dicapai.

Beliau berucap di hadapan lebih 10,000 orang yang mengalu-alukan ketibaannya di Lapangan Terbang Batu Berendam, untuk memulakan lawatan rasmi dua hari ke Negeri Melaka, pagi ini. Inilah lawatan rasminya yang pertama kali ke sini sejak menjadi Perdana Menteri.

Datuk Sri Dr. Mana-

thir berkata, Kerajaan Barisan Nasional berazam membawa kebahagiaan kepada rakyat seluruhnya tanpa mengira kaum atau keturunan.

"Tetapi setakat matlamat saja tidak akan dapat menjamin kejayaan.

"Kerajaan perlu persefahaman rakyat terhadap apa yang diusahakannya serta kerjasama penuh dari semua pihak untuk menjamin kejayaan tersebut," tegasnya.

Perdana Menteri menegaskan, walaupun negara belum mencapai tahap kemajuan yang memuaskan tetapi dengan semangat sanggup bekerja kuat dan kesediaan menegenepikan perkara-perkara titik bengek negara tentu akan mencapai kejayaan lebih gemilang pada masa depan.

Katanya, rakyat berbilang kaum sewajarnya menghargai perpaduan yang sedia wujud di samping terus berusaha bagi mengukuhkannya supaya hasrat mencapai

Oleh Sidek Salleh

matlamat perpaduan yang berkekalan tercapai.

"Saya penuh yakin selagi kita dapat menjamin perpaduan negara akan terus menikmati kemajuan untuk faedah semua rakyat", ujarinya.

Ketibaan Datuk Sri Dr. Mahathir yang disertai oleh Datin Sri Dr. Siti Hasmah disambut oleh Ketua Menteri, Encik Abdul Rahim Datuk Thamby Chik dan isteri yang terus memperkenalkan mereka kepada orang-orang kenamaan dan pegawai-pegawai kanan negeri.

Lebih 10,000 orang rakyat jelata termasuk ahli-ahli komponen Barisan Nasional dan juga ahli-ahli DAP turut berada di lapangan terbang mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri.

Selepas menyampaikan ucapan ringkas itu, Datuk Sri Dr. Mahathir

membuat kunjungan hormat kepada Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Zahiruddin Syed Hassan Al-Haj di Sri Melaka.

Perdana Menteri kemudian menerima kurniaan darjah kebesaran Negeri Melaka "Darjah Utama Negeri Melaka" (DUNM) yang membawa gelaran Datuk Sri Utama dari Yang Dipertua Negeri dalam satu istiadat di Dewan Undangan Negeri.

Semasa Datuk Sri Dr. Mahathir mendengar taklimat tertutup dari Ketua Menteri mengenai pembangunan Negeri Melaka di Bilik Gerakan Seri Negeri, Datin Sri Utama Siti Hasmah telah merasmikan pusat pameran kraftangan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menunaikan fardu Jumaat di Masjid Tenkera dan kemudian makan tengah hari bersama Yang Dipertua Negeri di Seri Melaka.

Petang ini, Perdana

Menteri merasmikan batu asas Muzium Sejarah Negeri Melaka di Bangunan Stadhuys dan malamnya menghadiri majlis jamuan makan malam anjuran perhimpunan UMNO Melaka di dewan Sekolah Menengah Pay Fong.

Esok, Perdana Menteri akan merasmikan pertemuan dunia Melayu di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Durian Daun, melancarkan Syarikat Pembangunan Pertanian Negeri Melaka di Kuala Sungai Baharu, melawat kawasan pelancongan Tanjung Bidara dan perkampungan Portugis di Hujung Pasir.

Datin Sri Dr. Siti Hasmah mempunyai aturcara berasingan iaitu melawat pusat pengumpulan susu Jasin sebelum menyertai Perdana Menteri di Tanjung Bidara.

Perdana Menteri akan mengadakan sidang akhbar di rumah tetamu Seri Peringgit pada pagi Ahad sebelum beliau pulang.